

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	10 kedai BioShoppe dibuka tahun tahun depan	KOSMO
2.	Kenali haiwan peliharaan anda	KOSMO
3.	Belum masa Terengganu isytihar darurat	Sinar Harian
4.	Angin kencang dan laut bergelora berterusan sehingga esok	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 18
TARIKH: 21 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

10 kedai BioShoppe dibuka tahun depan



MOHD. NAZLEE (kiri) menerangkan sesuatu tentang produk keluaran Biotech Corp kepada seorang pengunjung di tapak pameran BioShoppe di Universiti Malaya, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR - Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (Biotech Corp) menyasarkan untuk membuka 10 kedai konsep BioShoppe tahun depan bagi memasarkan produk-produk kesihatan berkaitan bioteknologi.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, pembukaan rangkaian tersebut bakal menyediakan platform kepada syarikat-syarikat berstatus BioNexus di bawah Biotech Corp untuk memasarkan produk mereka.

"Setakat ini kita telah membuka satu rangkaian BioShoppe di pusat beli-belah IOI Mall di Puchong, Selangor yang memasarkan hampir 100 produk keluaran syarikat BioNexus.

"Buat permulaan, konsep kedai Bio-

Shoppe akan dilaksanakan dengan

menempatkan jenama tersebut di ke-

dai-kedai farmasi sedia ada.

"Jika produk keluaran syarikat Bi-

Nexus sudah banyak, barulah kita

merancang membuka kedai berjena-

ma sendiri iaitu BioShoppe di seluruh

negara," katanya pada sidang akhbar

sempena Persidangan dan Pameran

BioMalaysia serta Bioekonomi Asia

Pasifik 2014 di Universiti Malaya di sini

semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Operasi Biotec Corp, Razwin Sulairee Hasnan Termizi dan Naib Presiden Kanan (BioIndustri) Biotec Corp, Zainal Azman Abu Kasim.

Bioteknologi merujuk kepada teknologi berdasarkan biologi yang kini digunakan dalam bidang pertanian, sains makanan dan perubatan.

Menurut Mohd. Nazlee, sehingga kini terdapat sebanyak 240 syarikat berstatus BioNexus dan syarikat tersebut berpeluang memasarkan produk mereka di bawah rangkaian kedai BioShoppe.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (VARIA) : MUKA SURAT 26
TARIKH : 21 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

BERSEMPENA dengan Festival Sains 2014 yang bertemakan *Solve The Mystery*, Kelab Belia Pencinta Haiwan (Youth Alls) bersama PSN dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menganjurkan program *Identify Your Pets* untuk para pengunjung di Pusat Sains Negara (PSN).

Identify Your Pets bertujuan menerapkan pendidikan menjaga haiwan peliharaan di samping mendekatkan kelab-kelab belia pencinta haiwan di negara ini yang terdiri daripada pelbagai jenis haiwan seperti burung kakak tua, ular sawa, musang pandan, arnab dan kucing jalanan.

Program yang julung-julung kali diadakan itu akan berlangsung di bagian Science Wonderland, PSN.

Bertepatan dengan nama program, pengunjung akan diperkenalkan dengan harian-harian peliharaan yang boleh dibela di negara ini di samping memupuk minat pembelaan haiwan peliharaan kepada orang ramai.

Selain itu, pengaruan juga akan menerapkan pengajaran Haiwan Peliharaan dengan Sains (*Identify Your Pets*). Aktiviti ini bagi mendekatkan kelab-kelab belia daripada pelbagai jenis haiwan di Malaysia dan memberi pembelajaran penjagaan haiwan-haiwan peliharaan yang dibela kepada pengunjung.

Antara aktiviti utama yang dijalankan mengikut tema *Solve The Mystery* itu ialah para pengunjung yang hadir perlu

Kenali haiwan peliharaan anda



PROGRAM ini akan menerapkan nilai kesedaran tentang penjagaan kucing jalanan kepada orang ramai. — Gambar hiasan

menyelesaikan permasalahan dan kes-kes pembunuhan, kehilangan dan kecurian. Kes-kes tersebut adalah kes rekaan atau permainan yang disediakan oleh Youth Alls yang secara tidak langsung menjadikan pengunjung sebagai detektif.

Orang ramai akan disedarkan tentang

penjagaan kucing jalanan kepada orang awam dengan adanya ceramah, kuiz untuk kanak-kanak dan lukisan muka. Orang ramai akan lebih peka dan mengubah pandangan mereka terhadap kucing jalanan dengan adanya aktiviti tersebut.

PROGRAM *Identify Your Pets* akan menerapkan nilai kesedaran tentang penjagaan kucing jalanan kepada orang ramai.
— Gambar hiasan



Info

- **Lokasi:** Science Wonderland, Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur
- **Masa:** 9 pagi hingga 5 petang
- **Tarikh:** 22 hingga 27 November 2014
- **Bayaran:** RM4 (dewasa) dan RM2 (kanak-kanak)

Para pengunjung yang hadir juga berpeluang mengikuti aktiviti Run Rabbit, persembahan daripada haiwan-haiwan, bergambar bersama haiwan, meneka berat ular dan memberi makan kepada haiwan.

Program akan dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Ewon Ebin pada 24 November ini.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 21 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

Belum masa Terengganu isytihar darurat

KUALA TERENGGANU

Keadaan banjir di negeri ini masih terkawal dan belum masanya untuk kerajaan mengisytiharkan darurat, walaupun banjir bertambah buruk dan merebak ke lima daerah iaitu Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Setiu dan Besut.

Sehingga petang semalam, jumlah mangsa banjir terus meningkat kepada lebih 4,000 orang dan daerah yang terjejas teruk ialah Kuala Terengganu Utara iaitu di Kuala Nerus.

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Mazlan Ngah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana negeri berkata, kerajaan negeri membuat persiapan rapi dan jentera bantuan dan agensi terlibat berusaha keras memastikan perjalanan bantuan lancar.

"Jika keadaan bertambah buruk, kita akan dapatkan bantuan

tentera.

"Sekarang ini, keperluan masih belum mendesak sebab situasi yang berlaku kini adalah apabila hujan reda, air pun surut kerana ia lebih kepada air tidak dapat mengalir, seperti yang berlaku di Chendering iaitu di Kampung Aur.

"Cuma apa yang saya bimbang jika air sungai dan berlaku air pasang, banjir mungkin melarap. Mengikut jangkaan dan kaji cuaca, hari ini (semalam) sepatutnya hujan sudah berhenti tetapi kita tidak tahu lagi keadaannya," katanya.

Menurutnya, pihaknya sentiasa mendapatkan maklumat **Jabatan Meteorologi**, namun jika dilihat dari segi taburan hujan se-



MAZLAN

takat semalam, kadar di Kuala Nerus lebih 200 milimeter sahaja sehari, berbanding dengan Chukai, Kemaman pada tahun lalu yang lebih 700 milimeter sehari.

"Ini baru satu pertiga daripada apa yang berlaku di Kemaman," katanya selepas

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, semalam.

Beliau berkata, walaupun banjir yang agak teruk di Kuala Nerus di luar jangkaan pihaknya, koordinasi bantuan berjalan lancar.

"Ia di luar jangkaan kita bahawa banjir akan berlaku di kawasan Kuala Nerus sebab tempat lain yang



Beginilah keadaan di kawasan sekitar UMT setelah air naik mendadak sekitar jam 1 pagi semalam.

kita jangka alami banjir, sudah buat persediaan.

"Jadi apabila berlaku di sana, agak lewat bertindak tetapi semuanya sudah selesai dan perjalanan agihan bantuan berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata, banjir pada tahun ini kebanyakannya bukan di-

sebabkan banjir dari sungai tetapi air hujan yang tidak dapat mengalir ke alur yang ada.

Katanya, pembangunan semasa disebabkan kerja timbus tambun yang majoritinya tidak mengikut kaedah ditetapkan pihak berkuasa tempatan dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT).

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 21 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)



Angin Kencang Dan Laut Bergelora Berterusan Sehingga Esok

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Keadaan angin kencang Timur Laut dan laut bergelora (kategori pertama) di beberapa kawasan di perairan Kelantan, Terengganu, Sabah, Labuan dan Sarawak dijangka berterusan sehingga esok.

Menurut kenyataan [**Jabatan Meteorologi**](#), angin kencang dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam serta ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Keadaan sama turut berlaku di kawasan perairan Samui, Condore, Reef North, Reef South, Palawan, dan Layang-layang, Labuan.

-- BERNAMA